

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**
[JERANTUT]

TARIKH : **KHAMIS, 28 MEI 2015**

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah undang-undang sedia ada mencukupi untuk membendung aktiviti yang merosakkan alam sekitar yang boleh membawa kepada bencana alam dan berapakah jumlah mereka yang telah didakwa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Undang-undang sedia ada untuk membendung aktiviti yang merosakkan alam sekitar yang boleh membawa bencana adalah mencukupi. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan 37 Peraturan-Peraturan subsidiariya adalah berupaya untuk mencegah, menghapus dan mengawal pencemaran dan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan lestari. Skop pemakaian di bawah Akta ini adalah merangkumi di peringkat perancangan, reka bentuk, pembinaan dan pengoperasian sehingga ke penstoran, pemerolehan kembali dan pelupusan buangan yang dijana. Antara tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas pesalah alam sekitar di bawah Akta ini adalah:

- (i) Amaran bertulis di lapangan (*field citation*);
- (ii) Notis Arahan;
- (iii) Tawaran Kompaun dengan nilai maksimum RM2000.00;
- (iv) Penahanan Operasi Peralatan;
- (v) Tindakan Mahkamah dengan penalti maksimum RM500,000.00 dan penjara 5 tahun serta hukuman penjara mandatori selama sehari;
- (vi) Perintah Larangan Operasi;
- (vii) Penyitaan;
- (viii) Perintah Berhenti Kerja; dan
- (ix) Gantung dan Batal Lesen.

Pada tahun 2014, jumlah premis/orang yang telah didakwa di mahkamah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan subsidiarinya kerana kesalahan mencemarkan alam sekitar ialah sebanyak 357 kes, manakala bagi tahun 2015, sehingga April 2015 ialah sebanyak 73 kes. Akta ini juga mengambil kira prinsip dengan izin “*polluters-pay-principle*” ini juga memperuntukkan penguatkuasaan yang tegas dan hukuman/ penalti lebih berat ke atas mereka yang mencemarkan alam sekitar. Di samping itu amalan pengawalan pencemaran turut diwajibkan melalui pelaksanaan program kawalan kendiri atau dengan izin “*self-regulation*” di peringkat premis.

Selain itu, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) menguatkuasakan Akta Pembangunan Mineral 1994 untuk mengawal selia aktiviti perlombongan di atas pajakan lombong dan lesen melombong tuan punya yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walau bagaimanapun penguatkuasaan terhadap *illegal mining* dijalankan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Antara tindakan-tindakan yang diambil oleh JMG adalah membuat lawatan pemeriksaan ke atas lombong-lombong yang sedang beroperasi, pemantauan terhadap isu-isu alam sekitar dan mengeluarkan perintah dan arahan. Dalam tahun 2014, sebanyak 1198 lawatan pemeriksaan dan 334 persampelan efluen lombong telah dijalankan oleh JMG. Daripada pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan itu, sebanyak 84 perintah dan arahan telah dikeluarkan ke atas pengusaha lombong yang dikesan tidak mematuhi kehendak Akta Pembangunan Mineral 1994. Perintah dan arahan ini termasuklah menghentikan operasi perlombongan dan membuat pindaan ke atas skim operasi melombong.

Selain itu juga, Akta Perhutanan Negara 1984 menggariskan peruntukan perundangan dan prosedur bagi mengawal selia sebarang aktiviti

pengambilan hasil hutan. Sebagai contoh, Seksyen 15, Akta ini memperuntukkan kesalahan mengenai pengambilan hasil hutan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan tanah Kerajaan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM500,000 dan penjara selama tempoh tidak kurang daripada setahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. Bagi tempoh 2011 sehingga 2014, terdapat 4 kes kesalahan hutan yang didakwa di bawah Seksyen 15, Akta Perhutanan Negara 1984. Bagi tempoh yang sama, terdapat 49 kes telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman bagi lain-lain kesalahan hutan selain di bawah Seksyen 15, Akta Perhutanan Negara 1984.

Sehubungan dengan itu, peruntukan undang-undang sedia ada sekarang adalah mencukupi untuk membendung aktiviti yang merosakkan alam sekitar. Namun begitu, bilangan tenaga kerja dan aset sedia ada perlu ditambah dan diperkuuhkan lagi bagi memastikan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan efektif.

Sekian, terima kasih.